

0212

U B517 DEB

MAHATHIR - MAKANAN

1984

SERDANG, 1 DIS. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYAMBAUT BAIK USAHA MARDI MENJALANKAN KEGIATAN PERTANIAN BERNILAI KOMERSIL DAN PENCAPAIANNYA DALAM TEKNOLOGI MAKANAN.

KATANYA, WALAUPUN MARDI MENUNJUKKAN PENCAPAIAN YANG BAIK, TETAPI YANG PENTINGIALAH MENGADAKAN KEMUDAHAN YANG CUKUP DARISEGI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN.

SEWAKTU BERCAKAP KEPADA PEMBERXTA SETELAH MELAWAT SELAMATIGA JAM DI SINI, BELIAU BERKATA WALAUPUN ADA LEBIH 50 ORANG KAKITANGAN YANG BERKELULUSAN IJAZAH KEDOKTORAN DAN SEBILANGAN BESAR BERKELULUSAN IJAZAH SARJANA, TETAPI MARDI MASIH KEKURANGAN TENAGA TERLATIH.

PERDANA MENTERI MEMUJI SIKAP KAKITANGAN DAN PARAPEGAWAI MARDI YANG TELAH MENJALANKAN USAHA YANG BERFAEDAH KEPADA NEGARA SERTA MENGADAKAN SUASANA YANG MENARIK DAN SELESADI INSTITUTITU.

KETIKA MELAWAT BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKANAN, BELIAU TELAH BERPELUANG MENIKMATI HIDANGAN TERMASUK NASX BERIANI, ROJAK, SATAY DAN KUIH-MUIH YANG DIHXDANGKAN DALAM BENTUK KONVENIEN SEBAGAIMANA YANG DINIKMATIOLEH ANGGOTA ANGKATAN TENTERA DI KAWASAN PEDALAMAN. -- LAGI

1726MST 0112 84

D213

U B518 DEB

MAHATHIR - MAKANAN 2 SERDANG

PROGRAM PENYELIDIKAN MAKANAN KONVENIEN ITU TELAH DIMAJUKAN OLEH MARDI MULAITAHUN LALU SEBAGAI MEMENUHI JANGKAAN PERMINTAAN YANG MENINGKAT.

IA BOLEH DISEDIAKAN DALAM PELBAGAI CARA TERMASUK SEJUK-BEKU DALAM UWCANG ATAU DIPROSES DAN DIBUNGKUS DALAM PEMBUNGKUS BERLAPIS ALUMINIUM.

APABILA HENDAK DIMAKAPI UNCANGNYA ITU PERLU DIPANASKAN MENGGUNAKAN KETUHAR BIASA PAN BAGI YANG DIBUNGKUS DALAM UNCANG ALUMINIUM IA HANYA PERLU DIRENDAMKAN KE DALAM AIR YANG MENDIDIH.

WALAUPUN IA LEBIH MAHAL UNTUK DIPROSES, MAKANAN KERING SEJUK-BEKU ADALAH LEBIH PADAT, RINGAN, STABIL SERTA MEMERLUKAN KOS PEWANGKUTAN DAN PENYIMPANAN YANG RENDAH.

PENGGUNAAN UNCANG YANG BOLEH DIPANASKAN JUGA DAPAT MEMBENDUNG PERISA, WARNA, TEKSTUR DAN KUALITI PEMAKANAN DENGAN LEBIH BAIK BERBANDING DENGAN HASIL-HASIL MAKANAN DALAM TIN YANG LAIN. --- LAGI
1728MST 01 12 84

U B519 DEB --

MAHATHIR - MAKANAN 3 SERDANG

MAKANAN-MAKANAN YANG DIBUNGKUS DALAM UNCANG JUGATIDAK MEMERLUKAN PENYEJUKAN, RINGAN, DAN MENGAMBIL RUANG SIMPANAN YANG SEDIKIT SEPTA BOLEH DISIMPAN DALAM KEADAAN SUHU BIASA.

ANTARA MAKANAN-MAKANAN YANG AKAN DIPASARKAN OLEH MARDI DALAM BENTUK MAKANAN KONVENIEN ITU IALAH NASI TOMATO, NASI MINYAK, NASI BERIANI, NASI LEMAK, KUAH-KUAH TRADISIONAL SEGERA @AN CENDOL.

MENURUT SATU KENYATAAN MARDI, PENCAPAIAN TERSEBUT MENUNJUKKAN DAYA USAHA DAN KEBOLEHAN PARA SAINTIS PENYELIDIK TEMPATAN DALAM MEMAJUKAN INDUSTRI MAKANAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI BARU.

MAKANAN KONVENIEN MEMPUNYAI POTENSI PASARAN YANG BESAR DAN PERMINTAAN DIJANGKA AKAN TERUS MENINGKAT.

RANGKAIAN PASARAYA TEMPATAN FIMA DIJANGKA AKAN TERLIBAT DALAM PEMASARAN MAKANAN HASIL PENYELIDIKAN MARDI ITU.

YANG TURUT HADIR BERSAMA PERDANA MENTERI IALAH TERMASUK ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH HAJI ALIDAN MENTERI PERTANIAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM, -- BERNAMA

1733MST 01 12 84